

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN OPERASI PUNGUTAN ZAKAT SECARA KORPORAT

TEMPAT: KOMPLEKS BANGUNAN SULAIMAN

TARIKH: 08 MAR 1991

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam merangkap
Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Dato' Dr. Yusof Nor;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala
kerana telah mengurniakan kepada kita kesihatan, petunjuk
dan suasana yang aman sehingga kita dapat merancang dan
meneruskan tugas-tugas kita bagi mengembang dan
mempertingkatkan dakwah Islamiyah serta amalan-amalan Islam
demi masa hadapan umat Islam di negara kita.

2. Suasana aman yang kita nikmati sekarang ini adalah satu
rahmat dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa
Ta'ala kepada kita. Memang sudah menjadi tabiat semulajadi
manusia yang dinyatakan oleh Al-Quran bahawa apabila manusia
berada di dalam suasana sakit, gelisah dan tidak tenteram
barulah manusia itu sedar bahawa sihat dan aman itu nikmat.
Pada ketika itu juga baharulah mereka teringat akan Allah
Subhanahu wa Ta'ala dan kuasaNya.

3. Islam adalah agama yang sempurna. Islam membawa mesej
yang agung untuk membebaskan setiap umat manusia daripada
cengkaman kepapaan, kemiskinan, penyakit, kejahilan,
ketakutan, kehinaan dan apa jua bentuk penindasan baik
berbentuk lahir mahupun batin.

4. Sebagai penganut agama Islam, kita perlu bertanya pada
diri sendiri sama ada kita benar-benar telah bersedia
membuat segala bentuk perancangan dan persediaan bagi
menegakkan syiar Islam atau cuma ingin melaungkan kebenaran
dan kebaikan Islam atau berkhayal mengenai keindahan dan
keagungan yang lampau tanpa mengamal ajaran Islam sebagai
Ad-din dan membuat sesuatu untuk umat pada masa ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Tamadun dan kemajuan satu-satu bangsa itu tidak pernah
dicipta dalam sekelip mata. Ianya terpaksa melalui suatu
proses masa yang agak lama dengan beberapa syarat tertentu
yang harus dimiliki oleh satu-satu bangsa itu termasuk sifat
kreatif, keterbukaan kepada satu-satu idea yang baru,
sentiasa ingin tahu, positif terhadap alam dunia, responsif

terhadap perjalanan sejarah dunia, inovatif, rajin dan tekun, berakhlak mulia dan umumnya mengamal nilai-nilai yang baik.

6. Sesungguhnya ajaran Islam yang disampaikan kepada kita bukan dalam bentuk teori tetapi ianya mestilah diikuti dengan amal. Jika kita banyak menghabiskan masa hanya menumpukan kepada teori sahaja, berhujah sepanjang masa dan bersengketa kerana hujah-hujah berlainan yang kita ciptakan maka kita tidak akan berjaya mencapai tamadun Islam yang kita hajati. Jika kita hendak maju atau lebih berjaya daripada orang lain, kita hendaklah mengurangkan berhujah tentang teori dan menumpukan tenaga kita kepada amal. Masyarakat yang dimomokkan dengan pelbagai teori atau konsep yang indah-indah tanpa diikuti dengan satu perancangan yang konkrit dan proses tindakan susulan, maka masyarakat itu akan menjadi satu masyarakat yang mundur tanpa apa-apa keupayaan, yang mana ini bukanlah matlamat Islam atau nasib yang ditentukan bagi umat Islam.

7. Masyarakat seperti ini berselindung dengan khayalan sehingga yang nyata dinafikan dan sebaliknya diganti dengan tafsiran dan taksiran yang dicipta bagi menyembunyi kenyataan. Demikian kegagalan dikatakan kejayaan dan kekalahan dikatakan kemenangan. Akibat daripada penipuan diri sendiri ini maka tidak ada sesuatu yang dibuat untuk menentukan kegagalan dan kekalahan yang telah berlaku tidak akan berlaku lagi. Dengan itu maka umat Islam akan terus gagal dan dihinakan.

8. Sebaliknya jika kenyataan diakui, maka tindakan boleh dibuat untuk membetulkan yang salah dan meningkatkan keupayaan sehingga kegagalan dan kekalahan tidak selalu berlaku. Kegagalan dan kekalahan orang Islam bukanlah kerana inilah yang ditentukan bagi orang Islam oleh Tuhan. Pendapat bahawa ini, iaitu kegagalan dan kekalahan orang Islam, sudahpun ditakdirkan dan tidak ada apa yang boleh atau harus dibuat oleh umat Islam bagi melawan apa yang telah ditakdirkan, adalah sesuatu yang menghinakan Tuhan. Pendapat bahawa dunia ini bukan untuk orang Islam membuktikan sikap tidak bersyukur dengan pemberian Tuhan. Apakah benar Tuhan tidak menghendakkan umat pilihanNya berusaha dan menggunakan tenaga dan akal fikiran yang dikurniakan oleh Tuhan kepada umat Islam juga?

9. Ajaran oleh pihak yang berkepentingan supaya umat Islam hanya mengamalkan ibadah tertentu dengan lebih daripada yang diwajibkan dan berdoa meminta-minta sahaja daripada Tuhan tanpa usaha yang gigih dan penggunaan tenaga dan akal fikiran jelas membawa kepada kelemahan dan kegagalan orang Islam. Orang-orang tertentu ini memang beruntung daripada ajaran ini kerana umat Islam terpaksa bergantung kepada mereka sebagai orang tengah di antara Tuhan dengan diri sendiri dan dengan itu mereka mendapat tempat, dihormati, disanjung tinggi serta berkuasa. Selagi orang yang berkepentingan ini tidak dicabar dan disoal tentang ajaran mereka, selama itulah umat Islam akan terus mundur dan

lemah.

10. Sebaliknya jika ajaran oleh orang yang berkepentingan ini disangkal dan umat Islam bekerja dengan penuh kemahiran dan berkualiti seperti dituntut oleh Islam, tidak dapat tidak orang Islam boleh bersaing dengan sesiapa sahaja. Lebih-lebih lagi bagi mentadbirkan wahyu Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti ibadat zakat. Ramai orang berpendapat bahawa ibadat zakat adalah merupakan satu ibadat yang khusus yang tidak boleh mengambilkira aliran zaman. Sebaliknya kita tahu perubahan-perubahan yang berlaku dengan peredaran zaman tidak mungkin diketepikan. Jika di zaman Nabi s.a.w. ibadat haji dilakukan dengan menggunakan unta sebagai kenderaan, setelah Islam berkembang jauh dari Mekah dan melintasi laut maka tidak lagi praktikal untuk menaiki unta untuk mengerjakan haji. Namun ada orang dari benua India umpamanya yang berjalan kaki setahun, setelah menjual semua harta untuk mengikut apa yang ditafsir sebagai sunnah Nabi. Apabila mereka kembali dari menunaikan fardhu haji mereka menjadi miskin dan papa dan terpaksa meminta sedekah. Apabila jemaah haji mula menggunakan kapal terbang, ada ulama yang mengecam perbuatan ini kerana kononnya tidak mengikut sunnah Nabi. Perkara ini menjadi bahan perbincangan yang berpanjangan oleh ulama-ulama. Sebenarnya penggunaan kapal laut juga tidak mengikut sunnah Nabi kerana Nabi tidak pernah menyeberangi laut semasa melakukan ibadat haji. Sekarang ini tidak lagi disoal tentang penggunaan kapal terbang untuk kerja haji. Tetapi adanya tentangan terhadap penggunaan kapal terbang untuk mengangkut jemaah haji pada masa ianya mula digunakan membuktikan bahawa ulama-ulama tertentu kerap membuat kesalahan semasa mentafsir agama. Umumnya ulama jenis ini menafsir semua yang baru adalah bertentangan dengan Islam dan semua yang lama, walaupun kolot, adalah secocok dengan Islam.

11. Tidak berapa lama dahulu gambar-gambar lukisan dianggap haram. Sebabnya ialah di zaman dahulu penganut agama-agama tertentu sering melukis atau mengukir patung-patung yang kemudiannya mereka sembah sebagai imej Tuhan. Kadang-kadang mereka mengukir patung yang lucu kerana ingin memenuhi nafsu mereka. Tidak hairanlah kenapa gambar dan patung ditegah oleh Islam.

12. Tetapi sekarang gambar tidak perlu dilukis atau diukir. Dengan hanya memetik butang bukan sahaja gambar terlukis tetapi gambar itu boleh bergerak dan bercakap. Adanya orang tertentu yang menyalah-gunakan kemudahan moden ini dengan mencetak dan menyalahkan gambar yang lucu tidak bermakna kemudahan ini perlu diharamkan secara menyeluruh, kerana kemudahan ini juga boleh digunakan untuk kebaikan termasuk mengajar ilmu pengetahuan dan juga untuk mengembangkan syiar Islam.

13. Hakikatnya ialah penggunaan kemudahan bergambar tidak mungkin dikawal di zaman ini. Ia sudah menjadi perkara biasa kepada kehidupan masyarakat moden. Di mana-mana sahaja terdapat gambar yang bergerak dan tidak bergerak

sehingga orang-orang yang mengajar agama juga menggunakannya.

14. Oleh kerana pengharaman tidak dapat dikuatkuasakan, maka masyarakat Islam menerima sahaja hakikat bahawa dalam masyarakat Islam dan bukan Islam atau masyarakat campuran di zaman moden ini, soal gambar dan lukisan tidak dapat dipersoalkan lagi. Mencegah tidak akan mendatangkan apa-apa manfaat kerana ia tidak berkesan. Kita hanya boleh mengawal dan melarang jika gambar dan lukisan digunakan dengan cara yang melanggar tujuan asal larangan terhadap ukiran dan lukisan bagi orang Islam, -- iaitu gambar dan patung tidak disembah atau digunakan untuk memenuhi nafsu kehaiwanan.

15. Hanya seratus tahun dahulu sahaja umat Islam mengharamkan sebarang lukisan atau ukiran berbentuk makhluk seperti manusia dan binatang serta juga tumbuh-tumbuhan. Untuk memenuhi keinginan kepada seni halus, orang Islam mencipta berbagai-bagai lukisan dan ukiran yang menggunakan "Geometrical Pattern", dan ini digunakan untuk menghiaskan Al-Quran, rumah-rumah ibadat dan lain-lain bangunan. Sekarang larangan terhadap lukisan dan ukiran benda yang bernyawa hanya dilakukan bagi Al-Quran dan masjid. Kitab-kitab yang membincangkan soal-soal agama sekarang mempunyai banyak gambar, dan pita rakaman gambar bergerak digunakan untuk tujuan berdakwah. Yang jelas ialah ulama tidak lagi menyoal atau melarang penggunaan gambar dan menerima penggunaannya dalam keadaan tertentu.

16. Jika ini sudah berlaku terhadap satu daripada larangan Islam kerana keadaan masa, tidakkah perlu pandangan Islam terhadap perkara-perkara seumpama ini juga diberi perhatian dengan mengambilkira keadaan zaman, keadaan masyarakat dan perubahan-perubahan dalam konsep dan nilai di zaman ini? Besar kemungkinan saranan ini akan dikecam hebat oleh ulama yang orthodox, tetapi kita harus ingat bahawa dalam soal lukisan dan gambar dan juga lain-lain perkara mereka sudah sanggup menerima hakikat, bahkan mereka sendiri sanggup "menyeleweng" secara terbuka. Dalam soal lelaki dan wanita umpamanya, apakah benar pendapat bahawa wanita menjadi punca segala keganasan lelaki, dan dengan itu mereka harus menyembunyikan diri mereka supaya tidak membakar nafsu lelaki? Apakah lelaki tidak langsung bersalah? Di zaman di mana perjalanan begitu mudah sekarang ini, tidakkah benar terdapat lelaki Islam sering ke negara-negara di mana wanitanya bebas dan oleh kerana mereka tidak pernah melihat wanita bebas maka benarkah atau tidak lelaki Islam melakukan bermacam kegiatan yang dilarang? Apakah ini kesalahan wanita, atau kesalahan lelaki yang sengaja mengejar nafsu.

17. Pada pendapat orang tertentu apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam pemerintahan dan pentadbiran Baginda 1400 tahun dahulu hendaklah dicontohi seratus peratus tanpa menggunakan akal fikiran dan mengambilkira keadaan dan kemajuan zaman. Bahkan ada yang menambah dan menokok kepada amalan dan larangan agama kerana kononnya ini adalah lebih baik di sisi agama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Kita mendakwa bahawa Islam adalah satu agama yang sesuai untuk semua zaman dan tempat. Tetapi jika kita cuba mengembalikan masyarakat zaman ini kepada keadaan dan sekitaran di abad ke tujuh Masihi dengan membentuk masyarakat Arab di tanah Arab zaman itu, bagaimanakah dapat kita pertahankan dakwaan kita bahawa Islam adalah untuk semua zaman dan tempat. Tetapi inilah yang cuba dibuat oleh orang tertentu. Oleh kerana puak ini berjaya menakutkan sebahagian besar orang Islam sehingga ajaran mereka tidak boleh disoal, maka hari ini umat Islam sudah menjadi orang yang ketinggalan zaman, mudah ditindas dan diperalatkan oleh kuasa bukan Islam. Demikian sebuah negara Islam dilengkapkan dengan senjata sehingga negara itu percaya ia begitu kuat dan boleh menakluk semua negara Arab lain. Akibat tindakan yang berasas kepada keangkuhan kuasa ini, ia dimusnahkan oleh kuasa asing kerana sebenarnya kekuatannya terhad. Dengan kekalahan yang teruk, maka semua negara Islam terletak di bawah telunjuk kuasa lain.

19. Sebuah negara belum boleh menganggap dirinya kuat dan mampu berperang sehinggalah ia dapat mencipta dan mengeluarkan senjatanya sendiri yang sama canggihnya dengan senjata musuh. Jika ia terpaksa membeli senjata dari pihak lain, ia masih lemah dan mudah ditewaskan. Oleh kerana tidak ada negara Islam di zaman ini yang mampu mencipta dan mengeluarkan senjata yang canggih disebabkan tidak memberi tumpuan kepada ilmu dan kepakaran moden, maka umat Islam sekarang terletak di bawah telunjuk orang asing dan dipermainkan.

20. Namun ada yang masih mendakwa bahawa sebenarnya negara Islam ini menang dan tidak kalah walaupun jelas ia jatuh tersungkur di bawah kaki kuasa asing. Khayalan yang semacam ini juga menghalang pemeriksaan diri sendiri untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan yang berlaku. Maka akan berterusanlah umat Islam dengan pendekatan yang lama. Umat Islam akan terus dengan sikap dan cara-cara yang kolot yang tidak sesuai dengan zaman hasil dari salah-tafsir, salah-ajar dan khayalan yang melanda umat Islam di zaman ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Kerajaan sentiasa memikirkan mengenai urusan-urusan negara yang boleh disesuaikan dengan Islam. Dalam sistem kewangan moden, bank memainkan peranan yang penting. Sementara Islam melarang riba tetapi tidak mungkin bank dan peminjaman wang dibuat tanpa keuntungan sama sekali kepada pihak yang memberi pinjaman. Maka dibentuklah sistem bank Islam yang sebenarnya tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w. Di zaman itu orang Yahudi yang memberi pinjaman dan mereka mengenakan bunga sebanyak 240 peratus setahun dan jika peminjam tidak dapat membayar balik, maka segala hartanya boleh dirampas atau ia menjadi hamba abdi kepada orang yang memberi pinjaman kepadanya sehingga ia dapat menjelaskan hutangnya. Melalui perkiraan penilaian pendapatan dari hutang, maka Bank Islam boleh mendapat keuntungan yang tidak

menjadi beban kepada si-berhutang tanpa tekanan faedah.

22. Demikian juga walaupun di zaman Rasulullah s.a.w. tidak ada urusan insuran, melalui takaful kita dapat mengadakan insuran yang tidak bercanggah dengan Islam. Berkenaan dengan kutipan zakat juga sistem pelaksanaannya hendaklah sesuai dengan zaman ini tanpa bertentangan dengan ajaran Islam.

23. Semua ini adalah sebahagian daripada Ad-din iaiatu cara hidup Islam. Cara hidup islam tidak bermakna mencipta semula keadaan di zaman Rasulullah s.a.w. supaya kita dapat meniru seratus peratus cara hidup di zaman itu. Jika cara hidup Islam hanya boleh dilakukan dalam keadaan masyarakat 1400 tahun dahulu, maka ini adalah sama dengan berkata bahawa islam hanyalah untuk kurun ketujuh Masihi di tanah Arab sahaja. Tetapi kita semua tahu bahawa Islam adalah untuk semua zaman dan semua masyarakat, sama ada Arab atau bukan Arab. Dengan itu Ad-din atau cara hidup Islam tidak dikehendaki menyerupai hidup di zaman Rasulullah s.a.w. atau dalam masyarakat Arab tetapi hidup di zaman ini di mana-mana sahaja oleh masyarakat yang Arab atau bukan Arab.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Pada kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana telah berjaya maju setapak ke hadapan dalam mengatur dan memperkemaskan Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Zakat dengan menggunakan kemudahan teknologi moden demi kebaikan dan faedah kita semua. Ini menunjukkan "commitment" kita kepada agama kita dan diharapkan ianya menjadi simbol dakwah dan contoh bukan sahaja di dalam negeri bahkan di negara-negara Islam yang lain.

25. Marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga apa yang diusahakan ini dan yang akan diusahakan pada masa akan datang akan mendapat berkat, pentunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.